

# COVID-19: 36,886 terima bantuan RM11.065 juta di Sabah

BH 3.4.2020

Oleh [Rafiqah Dahali](#) - April 3, 2020 @ 10:34am

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

KOTA KINABALU: Seramai 36,886 individu di Sabah menerima bantuan khas COVID-19 secara sekali bayar (one-off) sebanyak RM300 membabitkan peruntukan berjumlah RM11,065,800, semalam.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, berkata ia disalurkan kepada 20,157 penerima bantuan am, anak yatim (2,197) serta golongan orang tua, kanak-kanak, ibu atau bapa tunggal, orang kurang upaya dan pesakit kronik (14,532).

Selain itu, beliau berkata, bantuan khas sekali bayar RM500 untuk pesakit atau keluarga pesakit COVID-19 juga telah diberikan kepada 22 individu dijangkiti virus berkenaan.

“Baki 188 pesakit COVID-19 akan menerima bantuan masing-masing sebaik sahaja maklumat akaun bank mereka diperolehi,” katanya dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, beliau berkata, seramai 410 orang daripada golongan khas miskin dan miskin tegar juga telah menerima bantuan RM500.

“Seramai 12,678 penerima bantuan dalam kategori itu sedang dalam proses pembayaran.

“Selain itu, perbelanjaan bantuan makanan berjumlah RM189,560 diberikan untuk 2,554 pelajar Sabah di 33 institusi pengajian awam dan swasta di Semenanjung. Peruntukan telah diagihkan kepada pelajar melalui Pejabat Perhubungan Negeri Sabah di Kuala Lumpur.

“Sejumlah RM500,000 pula telah disalurkan kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai bantuan kepada pelajar di kampus induk Kota Kinabalu dan kampus di Labuan serta Sandakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP),” katanya.

Mohd Shafie memaklumkan, bantuan makanan berjumlah RM91,440 turut diberikan untuk 2,076 pesakit bawah pemantauan (PUI) COVID-19 di 17 pusat kuarantin negeri ini.

“Sejumlah RM2,354 diperuntukkan bagi bantuan makanan kuarantin sementara kanak-kanak gelandangan membabitkan 20 orang.

“Jumlah ini akan bertambah dari semasa ke semasa tertakluk kepada bilangan PUI yang ditempatkan di pusat kuarantin Sabah,” katanya.

Beliau berkata, bantuan makanan dengan peruntukan RM10,863,200 yang disampaikan terus kepada 108,632 ketua keluarga di 60 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), sedang dalam proses pengagihan di seluruh Sabah.

Seterusnya, sumbangan khas masing-masing RM1 juta untuk lapan agensi barisan hadapan, telah disampaikan pada 30 Mac lalu.

Agensi terbabit ialah Jabatan Kesihatan Sabah, Jabatan Imigresen Malaysia Sabah, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sabah, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia dan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM).

Mohd Shafie menegaskan, beliau memantau sendiri status pelaksanaan Pakej Bantuan COVID-19 Sabah yang telah diumumkannya pada 25 Mac lalu.

“Saya juga telah mengarahkan Sabah COVID-19 Command Centre untuk terus memantau dan mempercepatkan pengagihan bantuan itu supaya dapat meringankan beban rakyat,” katanya.